

07 DEC 2001

Abdullah-Britain

MALAYSIA-BRITAIN MAHU AFGHANISTAN PULIH SEGERA

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Britain hari ini melahirkan harapan untuk melihat agar keamanan dapat dipulihkan dengan segera di Afghanistan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Britain John Prescott pada persidangan media bersama di sini juga menyatakan pendirian negara masing-masing untuk menentang keganasan.

Prescott yang tiba semalam untuk lawatan tiga hari, sebelum itu telah mengadakan perbincangan selama satu jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata Malaysia tetap dengan pendirian menentang keganasan tanpa sebarang kompromi selain berhasrat untuk melihat keamanan di Afghanistan kerana rakyat negara itu telah lama menderita.

"Yang penting ialah untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang memberi peluang kepada semua kaum di negara itu," katanya.

Beliau berharap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dapat memainkan peranan yang berkesan dalam perkara itu.

Prescott pula berkata Britain mempunyai pendirian serupa dengan Malaysia dalam usaha menentang keganasan.

Penglibatan tentera British ialah untuk memburu Osama bin Laden dan rangkaian Al Qaeda, katanya.

Ketika ditanya sama ada usaha memburu Osama itu akan diperluaskan ke negara-negara Islam lain seperti Sudan, Yemen dan Iraq, Prescott berkata terdapat banyak spekulasi tentang apa yang akan berlaku tetapi Britain tetap dengan komitmennya untuk membanteras keganasan sehingga berjaya.

Beliau juga berkata kerajaan Britain akan membantu daripada segi keselamatan ketika PBB sedang berusaha membawa keamanan di Afghanistan.

Prescott juga berkata beliau gembira kerana hubungan antara kedua-dua negara terus berkembang khususnya di bidang perdagangan dan pendidikan.

Beliau akan berlepas ke Vietnam esok.

-- BERNAMA

HK NJ AHH MAI